



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**23 September 2016 / 21 Zulhijjah 1437H**

**Bersabar Di Dalam Mentaati Allah**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَزَّنَا بِالْإِسْلَامِ، وَاخْتَارَنَا مِنْ أُمَّةٍ خَيْرِ نَبِيِّ أُخْرِجَ  
فِي الْعَالَمِ، وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ أَحْسَنَ الْكُتُبِ وَأَجَلَّ الْكَلَامِ، هُدًى  
وَرَحْمَةً لِلْأَنَامِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ  
وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati,

Marilah kita terus berusaha untuk bertakwa kepada Allah. Kita laksanakan perintahNya dan meninggalkan segala tegahanNya. Semoga takwa yang ada ini akan terus subur disirami taufiq dan rahmat Allah swt. Amin ya Rabbal alamin!

Selama beberapa minggu, khutbah Jumaat telah memperkatakan tentang sifat sabar, sebagai satu sifat mulia yang amat diperlukan dalam kehidupan. Tumpuan telah diberikan kepada peranan sifat sabar di dalam menghadapi apa

jua cabaran hidup, walau betapa perit sekalipun ujian yang melanda.

Namun, saudara, kita perlu memahami bahawa kesabaran itu bukan hanya penting untuk menghadapi kesulitan ataupun musibah. Akan tetapi ia juga sangat diperlukan oleh seorang Muslim di dalam mentaati Allah dan beribadat kepadaNya. Ini adalah kerana manusia dijadikan Allah sebagai makhluk yang memiliki keinginan nafsu. Seringkali nafsu ini mendorong manusia melakukan perkara-perkara yang mendatangkan keseronokan, dalam masa yang sama, mengakibatkannya lalai pada tanggungjawab serta kewajipan yang ada. Desakan nafsu yang dibiarkan liar malah boleh menyebabkan seseorang yang mengaku Muslim sekalipun, untuk tidak mentaati perintah Tuhannya.

Oleh itu, saudara, kita perlu membangunkan sifat sabar sebagai kekuatan dalaman yang membantu kita menjinakkan nafsu yang ada, dan seterusnya mentaati perintah Allah. Jika tidak, iman kita selamanya tidak akan sempurna, sepertimana yang digambarkan oleh Rasulullah di dalam sepotong hadith:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ

Maksudnya: *“Tidak beriman seseorang daripada kamu sehinggalah hawa nafsunya mengikut ajaran yang aku bawa.”*

[Al-Jami’ Al-Sahih]

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di dalam perbincangan mengenai sifat sabar, ramai ulama menegaskan bahawa bersabar di dalam mentaati Allah itu lebih utama daripada bersabar di dalam menghadapi musibah. Yang kuat bersabar dalam menghadapi musibah hidup adalah orang yang bergantung kepada kekuatan dirinya sendiri. Sedangkan yang kuat bersabar dalam mentaati Allah dan beribadat kepadaNya adalah orang yang bergantung kepada Tuhan Yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

Orang yang kuat bersabar untuk mengabdikan diri kepada Allah, pasti akan dianugerahkan Allah kekuatan iman dalam jiwanya untuk menghadapi segala ujian kehidupan. Akan tetapi belum tentu orang yang kuat bersabar menghadapi cabaran hidup, memiliki kesabaran untuk melaksanakan ibadatnya kepada Allah. Sebab itu, ada sebahagian orang sanggup menghadapi pelbagai ujian berat dengan penuh ketabahan demi mencapai impian hidupnya, tetapi tidak sanggup mendirikan solat walaupun ia mengambil masa lima minit sahaja. Ada pula yang mampu bertahan, tidak makan dan tidak minum seharian lantaran sibuk dengan tugas yang memerlukan tumpuan penuh perhatian, tetapi apabila tiba Ramadan tidak pula berdaya menunaikan kewajipan berpuasa.

Saudaraku sekalian,

Kita diwajibkan untuk beribadat kepada Allah, sebagai pengabdian hamba terhadap Penciptanya. Namun Allah tidak mewajibkan ke atas kita sesuatu yang di luar kemampuan kita. Malah, dalam mewajibkan ibadat puasa Ramadan yang memerlukan kita menanggung perit lapar dan dahaga sepanjang hari pun, Allah sebenarnya tidak menginginkan kesulitan untuk kita. Demikian firman Allah di dalam Surah al-Baqarah, ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ  
وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدٰنٰكُمْ  
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Allah menginginkan kemudahan untuk kamu, dan bukanlah Allah menginginkan kesusahan untuk kamu. Sempurnakanlah bilangan (hari berpuasa), dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjukNya kepada kamu, dan semoga kamu bersyukur.”

Mungkin ada yang tertanya-tanya: Kalaulah semua ibadat yang diperintahkan Allah sebenarnya mudah dilaksanakan, kenapa pula masih ramai manusia yang tidak berjaya mengerjakannya? Jawapannya, saudara, ialah kurangnya kesabaran di dalam diri untuk mentaati Allah. Ia menjadikan jiwa lemah sehingga tidak mampu menolak desakan nafsu untuk terus berseronok dalam kelalaian. Individu seperti ini

akan tetap merasakan dirinya tidak berdaya untuk melaksanakan perintah Allah. Dia lebih suka mencari dan memberi alasan daripada berusaha melakukan ketaatan. Dan walaupun ada ibadat yang dikerjakan, ia dikerjakan dengan tanpa kesungguhan. Adakalanya dengan hati yang diisi kebencian dan lidah yang tidak putus dengan rungutan.

Perhatikan, saudara, kesamaan sikap ini dengan ciri-ciri golongan munafik yang digambarkan oleh Allah di dalam ayat 142 Surah al-Nisaa':

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ  
قَامُوا كَسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang munafiq itu (berusaha) menipu Allah, sedangkan Allah yang lebih mampu memperdaya mereka. Jika mereka bangun untuk mengerjakan solat, mereka bangun dengan penuh kemalasan, hanya untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia, sedangkan mereka mengingati Allah hanya sedikit sahaja.”*

Bandingkan ini dengan contoh dan tauladan yang ditunjukkan Baginda Nabi saw. Baginda insan mulia yang dipilih Allah, yang dijanjikan dengan perlindungan Allah dan syurgaNya. Tetapi keistimewaan ini tidak sedikitpun dijadikan sebab oleh Baginda untuk meremehkan ibadatnya kepada Allah. Sebaliknya, kegigihan Baginda untuk mentaati Allah selayaknya membuat kita yang masih banyak kesalahan ini merasa malu di

hadapan Allah. Baginda Nabi gigih bersolat malam walaupun sehingga kulit di tapak kakinya bengkak dan terbelah. Baginda banyak berpuasa walaupun di luar bulan Ramadan. Baginda beristighfar memohon pengampunan Allah paling sedikit tujuh puluh kali setiap hari. Nabi amat pemurah orangnya, yang tidak berkira dalam menghulurkan infaq hartanya, biarpun Baginda sendiri bukan seorang yang kaya. Baginda bersungguh-sungguh menjalankan kewajibannya sebagai pemimpin keluarga yang baik, walaupun terlalu sibuk dengan pelbagai tugas dakwah dan urusan masyarakatnya.

Saudara sidang Jumaat yang dirahmati Allah,  
Berusahalah untuk menjadi umat Nabi Muhammad saw yang mencontohi watak Baginda yang mulia. Bangunkan kekuatan sabar di dalam jiwa untuk mentaati Allah dan mengejar keredhaanNya. Usah menjadi manusia yang hebat dengan urusan dunia, tetapi lemah tidak berdaya di dalam urusan ibadat kita kepada Allah. Perhatikan ayat ini dalam surah Maryam yang berbunyi:

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ  
لَهُ سَمِيًّا

Maksudnya: *“Tuhan yang mentadbir langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya. Oleh itu, sembahlah Dia dan bersabarlah untuk beribadat kepadaNya; apakah engkau*

*mengetahui ada sesiapaapun yang sebanding denganNya?”*

[Surah Maryam: 65]

Melalui ayat tersebut, Allah menegaskan kepada kita untuk bersabar di dalam mengabdikan diri kepadaNya, kerana Dialah Tuhan Penguasa alam ini. Tiada yang berkuasa bersamaNya. Dan tiada yang mengurniakan rezki kepada makhluk-makhlukNya selain Dia.

Jika sesekali timbul desakan nafsu untuk tidak mensyukuri Allah, bertanyalah kepada diri sendiri: Mampukah aku bersabar meneruskan kehidupan, sekiranya segala kurniaan yang aku nikmati sekarang ini tiba-tiba ditarik balik olehNya? Jika sesekali timbul desakan nafsu untuk tidak beribadat kepada Allah, bertanyalah kepada diri sendiri: Mampukah aku bersabar kalau nanti pada hari pembalasan aku gagal mendapatkan tempat di dalam syurgaNya? Jika sesekali timbul keinginan untuk melakukan maksiat terhadap Allah, bertanyalah kepada diri sendiri: Mampukah aku bersabar menanggung azab pedih yang disediakanNya di dalam neraka?

Oleh itu saudaraku, sekiranya kita sedar bahawa kita tidak akan mampu untuk bersabar disiksa di dalam neraka, atau sekiranya gagal memasuki syurga, ataupun kehilangan nikmat yang sedia ada, maka hendaknya kita bersabar untuk berlaku taat kepada Allah, Pencipta kita.

Tinggalkan apa jua yang dilarang Allah. Gigihkanlah hati untuk melaksanakan perintah-perintahNya. Usah abaikan kewajiban yang ada. Ikhlasakan niat di dalam beribadah semata-mata untuk Allah. Laksanakan sebaik mungkin mengikut kemampuan kita. Jangan jemu mentaati Allah, dan jangan bosan berdoa kepadaNya. Semoga Allah mengurniakan kepada kami kesabaran dalam mentaati dan beribadah kepadanya insyallah. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.